

Tak cadang tambah universiti awam

KERAJAAN tidak bercadang menambah bilangan universiti awam atau membuka cawangan universiti sedia ada dalam tempoh terdekat kerana institusi yang ada mampu menampung keperluan akses pengajian tinggi.

Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, Dr Hou

Kok Chung, berkata keutamaan kerajaan pada masa ini untuk meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran serta penyelidikan institusi pengajian tinggi (IPT).

"Hingga akhir 2008 pula, ada 20 IPT awam, IPT swasta (423), politeknik (27), kolej komuniti (37)

dan universiti serta kolej universiti swasta (41)," katanya menjawab soalan Mohsin Dadzli Samsuri (PKR-Bagan Serai) mengenai kemungkinan penubuhan cawangan Universiti Pertanian Malaysia (UPM) di Bagan Serai, Perak, yang mempunyai pelbagai potensi penyelidikan.

BERITA HARIAN 20/3/09.